

03 DEC 1996
Umno - Sabah
OSU AKAN KUKUH UMNO SABAH

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Haji Sukam yang baru dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata beliau memerlukan tiga bulan untuk mengatur rancangan memperkukuh kedudukan parti di negeri itu.

"Untuk menjayakan hasrat itu, saya akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin bahagian termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita di negeri itu pada 13 Dis ini," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Pelantikan beliau diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lepas di akhir mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

Beliau ialah antara tiga anggota Umno Sabah yang dipilih menganggotai Majlis Tertinggi Umno pada pemilihan parti Oktober lepas. Dua lagi ialah bekas Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak yang juga bekas Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Shafie Apdal.

Osu berkata bahawa pada pertemuan itu, beliau akan menyentuh tentang peranan Umno untuk menyatukan rakyat Sabah serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh semua anggota Umno dalam mengekalkan keutuhan kerajaan Barisan Nasional di negeri itu.

Antara rancangannya ialah untuk menarik lebih ramai anak-anak muda di Sabah menyertai Umno dan menghayati perjuangan parti untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

"Apa yang penting bagi saya sekarang ialah merapatkan semua parti di Sabah," katanya.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik dijadual menemui pemimpin-pemimpin Umno Sabah pada 20 Jan. -- BERNAMA

SJA MAI